

**Jadual 2: Fasa Kitaran Projek**

<b>Fasa</b>	<b>Keterangan</b>
<b>Fasa 1: Pengenalpastian dan Merangka Projek</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Merupakan langkah pertama dalam kitaran projek.</li><li>• Pelaksanaan fasa ini memerlukan pangkalan data yang baik.</li><li>• Kaedah utama yang digunakan dalam fasa ini adalah Pendekatan Kerangka Logik atau <i>Logical Framework Approach</i> – Analisis <i>Problem Tree</i>, <i>Objective Tree</i> dan Matriks Kerangka Logik.</li></ul>
<b>Fasa 2<sup>3</sup>: Kajian Pra-Feasibiliti</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Setelah matlamat, tujuan dan output yang dijangka dibentuk menggunakan LFA, langkah berikutnya ialah mengenal pasti aktiviti yang perlu dilaksanakan bagi mencapai <i>output</i> yang diinginkan.</li><li>• Membuat pelbagai analisis bagi menentukan daya maju projek dan mengenal pasti pilihan strategi terbaik yang efektif dan efisien (<i>least cost</i>, <i>value for money</i>, dll) mesra alam dan boleh diterima rakyat.</li><li>• Analisis yang perlu dibuat bergantung kepada jenis projek yang hendak disediakan. Antara analisis yang boleh digunakan dalam kajian pra-feasibiliti termasuklah:<ul style="list-style-type: none"><li>■ Analisis Pasaran</li><li>■ Analisis Keperluan</li><li>■ Analisis Teknikal serta Reka Bentuk</li><li>■ Analisis Kewangan</li><li>■ Analisis Ekonomi</li><li>■ Analisis Sosial</li><li>■ Analisis Impak Alam Sekitar</li><li>■ Analisis Tenaga Kerja dan Organisasi</li></ul></li></ul>

Fasa	Keterangan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berasaskan keputusan pelbagai analisis yang dijalankan, LFM dilengkapkan dengan semua aktiviti yang akan dilaksanakan dan sumber yang diperlukan bagi mencapai output sesuatu projek.</li> <li>• Kajian kemungkinan adalah digalakkan bagi projek yang bernilai lebih RM50 juta sebelum projek dilaksanakan.</li> <li>• Ringkasan Projek disediakan berasaskan kepada LFM projek yang telah disiapkan.</li> </ul>
<b>Fasa 3: Penilaian, Pemilihan dan Kelulusan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selepas kajian pra-feasibiliti, projek yang terpilih dikemukakan kepada UPE, JPM untuk kelulusan.</li> </ul>
<b>Fasa 3A: Kajian Kemungkinan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi projek tertentu, kelulusan diberi untuk menjalankan kajian kemungkinan terlebih dahulu sebelum projek diluluskan untuk pelaksanaan.</li> </ul>
<b>Fasa 4: Pra-pelaksanaan Projek</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apabila projek telah diluluskan, kementerian menubuhkan pasukan pengurusan pelaksanaan dan projek mula dilaksanakan.</li> </ul>
<b>Fasa 5: Pelaksanaan dan Pemantauan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan projek dan kemajuannya dipantau bagi memastikan pelaksanaan mengikut jadual dan siling peruntukan yang telah diluluskan. Projek dinilai di peringkat pelaksanaan bagi menentukan sama ada <i>outcome</i> yang disasar dapat dicapai.</li> </ul>
<b>Fasa 6: Penilaian dan Maklum Balas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian projek dilaksanakan selepas projek siap atau selepas beberapa tahun projek siap untuk mengukur pencapaian <i>outcome</i> dan impak. Pengalaman melaksanakan projek ini akan digunakan bagi mengenal pasti dan membentuk projek baru di masa hadapan.</li> </ul>